

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (N.SEMBILAN/MELAKA)

TARIKH: 18 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 33

Tumpu juga projek rumah mampu milik

MELAKA - Pemain industri perumahan diminta tidak menumpukan konsep rumah digital terhadap projek perumahan mewah semata-mata, sebaliknya turut mengembangkannya kepada projek rumah mampu milik.

**KONSEP
RUMAH
DIGITAL**

Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari berkata, sebagai contoh, projek

Rumah Digital Anjung Gapam dilancarkan bulan lepas hasil kerjasama TM One dan Bintang Urusjuta (M) Sdn Bhd merupakan projek rumah digital pertama di negeri itu memberikan manfaat kepada rakyat pelbagai peringkat melalui teknologi digunakan.

Menurutnya, antara manfaat adalah menerusi penjimatan tenaga apabila guna tenaga di rumah digital itu diurus dengan efektif melalui aplikasi yang dibangunkan selain sambungan internet berkelajuan tinggi memberi lebih banyak pembangunan di kawasan terlibat.

"Konsep rumah digital sekiranya dikembangkan kepada rumah mampu milik merupakan sesuatu yang baik," katanya. - *Bernama*